

# IQRA'

Bil. 6/2022  
JUN

eISBN : 2735-1920



*Kunjungan Hormat PTAR Ke Atas Pengarah BHEI  
PTAR SHAH ALAM - m/s 5*



*Program Transit Ilmu Bil. 2/2022  
PTAR ALOR GAJAH - m/s 14*



*Program Penyediaan Profil Penyelidik  
PTAR MACHANG - m/s 19*



*Gotong-Royong Pelupusan Perabot  
PTAR PULAU PINANG - m/s 22*



*Program Read@UiTM PTAR Seri Iskandar 2022  
PTAR SERI ISKANDAR - m/s 30*

**PROMOSI@PTAR**

Do you have questions regarding reference material?  
**CHAT WITH LIBRARIAN**  
To help you with your OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL)  
<https://libr.um.edu.my/#chat>

**IQRA BULLETIN**  
Penerbitan Berkala: 6x setahun (Januari, Mac, Mei, Julai, September, November)  
Penerbitan Berkala: 6x setahun (Januari, Mac, Mei, Julai, September, November)  
Penerbitan Berkala: 6x setahun (Januari, Mac, Mei, Julai, September, November)  
<https://libr.um.edu.my/iqra>



# BICARA PAKAR: APA YANG PERLU? ANDA SEBAGAI PENGURUS MAKLUMAT DAN PENGETAHUAN 24 JUN 2022

**BULETIN  
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS SEREMBAN 3, NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Syaiful Hisyam Saleh

The banner features the title 'ANDA SEBAGAI PENGURUS MAKLUMAT DAN PENGETAHUAN' in large blue letters. On the left, a blue circle contains the text 'APA YANG PERLU?'. Below the title are three circular portraits of the speakers: Aisya Fariha Mohd Hud (Moderator), Prof. Madya Dr. Masitah Ahmad (Panel 1), and En. Syaiful Hisyam Saleh (Panel 2). Each portrait is accompanied by their name and affiliation. The banner also includes logos for Universiti Teknologi MARA, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Quality Standard, Sustainable Development Goals, and Webex. A QR code is located on the right side with the text 'SCAN HERE'. At the bottom, it states the date and time: '24 JUN 2022 | JUMAAT | 10.00 AM - 12.00 PM' and 'JAM LATIHAN DAN E-SIJIL DISEDIAKAN'.

Pada 24 Jun 2022 (Jumaat), Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban telah mengadakan program siaran langsung *Bicara Pakar* yang bertajuk *Apa yang Perlu? Anda Sebagai Pengurus Maklumat dan Pengetahuan*.

Program ini telah menjemput dua (2) orang panel iaitu, Y.Brs. Prof. Madya Dr. Masitah Ahmad Profesor Madya, Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dan En. Syaiful Hisyam Saleh, Pustakawan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.

*Bicara Pakar* ini telah dikendalikan oleh Pelajar Latihan Industri Cik Aisya Fariha Mohd Hud selaku moderator program.

Antara perkongsian utama yang disampaikan panel jemputan adalah berkenaan, pendedahan isu-isu berkaitan dengan topik-topik baru dalam pengurusan dan pentadbiran Perpustakaan dalam abad ke-21, terutamanya dalam bidang Sains dan Teknologi, Digital dan "Virtual Reality" dalam negara kita sangat wajar diketengahkan. Salah satu dari topik yang sedang hangat diperkatakan di kalangan masyarakat adalah berkaitan dengan topik "Data Science" serta "Data Steward" atau Pelayan Data.

Program ini juga mengupas dengan lebih lanjut tentang keperluan serta kesediaan setiap warga PTAR dalam menghadapi keperluan tersebut. Matlamat utama program ini adalah bagi memastikan warga PTAR khususnya dan masyarakat UiTM amnya bersiap sedia dalam menghadapi cabaran perubahan tersebut.

